

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## TIMBALAN PERDANA MENTERI LANCAR SLOGAN “CIDB PENERAJU TVET PEMBINAAN”

***CIDB Malaysia Pemacu Utama Latihan TVET Pembinaan***

**KUALA LUMPUR, 6 OGOS 2024** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengangkat pencapaian berprestij dengan pelancaran slogan “CIDB Peneraju TVET Pembinaan” bersempena dengan Majlis Graduasi Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies (CIDBTech) 2024 yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur.

Dalam ucapan perasmiannya, YAB Dato’ Seri menekankan kepentingan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) sebagai tunjang pembangunan negara selaras dengan Dasar TVET Negara 2030 yang memperuntukan tambahan bajet bernilai RM200 juta. Kerajaan juga komited menjadikan TVET Malaysia setanding dengan peringkat global, menawarkan laluan kerjaya jelas, kebolehpasaran tinggi, dan pendapatan yang “premium”.

Pelancaran slogan "CIDB Peneraju TVET Pembinaan" mencerminkan peranan CIDB sebagai peneraju dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor

pembinaan. CIDB mewujudkan *Construction Skills Qualification Framework (CSQF)* dengan menyediakan kerangka berstruktur untuk pembangunan kemahiran dalam industri pembinaan, memperkukuh peranan CIDB sebagai badan pensijilan dan pusat rujukan utama untuk program latihan TVET dalam sektor ini.

Selaras dengan bidang kuasa CIDB mengikut Akta 520, CIDB bergerak ke arah menjadi badan pensijilan yang akan mengakredit dan mensetarakan sijil dari institusi lain dalam bidang pembinaan. YAB Dato' Seri dalam ucapannya menyeru semua institusi TVET seluruh negara yang menawarkan program berkaitan pembinaan untuk merujuk kepada CIDB bagi memastikan sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh institusi melalui proses persetaraan dan akreditasi oleh CIDB.

Timbalan Perdana Menteri juga mengiktiraf peranan CIDB dalam memastikan latihan yang diberikan berkualiti dan relevan dengan keperluan industri, dengan peruntukan lebih RM800 juta untuk latihan belia dan personel binaan. Dengan langkah-langkah proaktif seperti ini, CIDB memperkuat lagi kedudukannya sebagai pusat TVET industri pembinaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Dengan pelancaran slogan ini, CIDB terus komited dalam membangunkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam majlis yang sama turut menyampaikan Anugerah Ikon TVET Pembinaan kepada enam (6) alumni ABM termasuk penyerahan bendera kepada dua (2) pelatih ABM yang akan mewakili Malaysia ke World Skills Lyon 2024, Perancis.

Selain itu, dua belas (12) rakan industri telah menerima sijil penghargaan daripada CIDB Malaysia sebagai penghormatan dalam menyokong perkembangan kemahiran serta pertumbuhan industri pembinaan di Malaysia. Rakan-rakan industri ini telah memberikan peluang pekerjaan dan penajaan kepada pelatih ABM dan CIDB. Antara syarikat mendapat penghargaan termasuk Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Sime Darby, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), SSRV (M) Sdn Bhd, Uda

Dayaurus Sdn Bhd, Urusan Teknologi Wawasan Sdn Bhd (UTW), Johnson Controls Hitachi Air Conditioning Malaysia Sdn. Bhd., Miraj Academy, College MCS Dan Petroliaam Nasional Berhad.

Majlis ini turut meraikan 150 graduan yang menerima Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) serta 15 graduan cemerlang yang disampaikan oleh Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia. Graduan-graduan ini adalah daripada pelbagai tred seperti *Chargeman*, Operasi Kren, Gas Pipe Fitter, Kimpalan *Plumbing*, *Scaffolding*, *Crane Operation* dan beberapa lagi tred berimpak tinggi.

CIDB Malaysia menawarkan tajaan kepada belia tempatan yang ingin menceburi lebih dari **100 tred** kemahiran pembinaan yang merangkumi bidang Jentera Berat, Kerja Bangunan, Kimpalan, Mekanikal dan Elektrikal, *Architectural Drafting*, *Blasting & Painting* dan *Industrial Building System (IBS)* menerusi Pusat Latihan CIDB iaitu ABM dan CIDB Tech.

Dengan kejayaan pelancaran ini, CIDB memperkukuh peranannya sebagai pemacu utama dalam sektor TVET pembinaan, memastikan tenaga kerja yang dilahirkan berkemahiran tinggi dan kompeten untuk memacu industri pembinaan negara ke tahap yang lebih tinggi.

Turut hadir pada majlis tersebut, Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam Bin Haji Ahmad dan Pengerusi CIDB Malaysia, Tuan Ir. Haji Yusuf Bin Haji Abd Wahab.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my) / [www.akademibinaan.com.my](http://www.akademibinaan.com.my) / [cidbtech.com.my](http://cidbtech.com.my)

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---